



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN PERSONALITI DENGAN KEPUASAN KERJA
GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING SEPENUH MASA
DI DAERAH HILIR PERAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ROBSON BIN BOI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



HUBUNGAN PERSONALITI DENGAN KEPUASAN KERJA
GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING SEPENUH MASA
DI DAERAH HILIR PERAK

ROBSON BIN BOI



PROJEK AKHIR DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING) DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


2023



PENGESAHAN


“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dengan Kepujian”

Pengakuan Penyelia Projek Tahun Akhir



(PROFESOR MADYA DR. ASLINA BINTI AHMAD, SMP., AAP., AMP.)

Pengakuan Penyelaras Projek Tahun Akhir



(DR. MAZITA BINTI AHMAD)

Tarikh: 24/2/2023

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

16 FEBRUARI 2023



ROBSON BIN BOI

D20182084998






PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN PROJEK TAHUN AKHIR

Perakuan ini telah dibuat pada: 16 Februari 2023

i. Perakuan pelajar :

Saya, Robson bin Boi, D20182084998, Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **Hubungan Personaliti dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa di Daerah Hilir Perak** hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Profesor Madya Dr. Aslina binti Ahmad SMP., AAP., AMP. mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Hubungan Personaliti Dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan Dan Kaunseling Sepenuh Masa di Daerah Hilir Perak** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) bagi memenuhi sebahagian/ sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan Dan Kaunseling) Dengan Kepujian.

16 FEBRUARI 2023

Tarikh


Tandatangan Penyelia



PENGHARGAAN

Syukur yang tidak terhingga kerana dapat menyiapkan penulisan penyelidikan ini dalam masa yang ditetapkan. Pelbagai dugaan dan rintangan telah dihadapi, tetapi perkara itu bukanlah penghalang kepada segala-galanya.

Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Aslina binti Ahmad, SMP., AAP., AMP. atas segala tunjuk ajar, khidmat nasihat, kerjasama, pertolongan dan dorongan sepanjang proses penyelidikan ini sehingga dapat disempurnakan dengan jayanya. Perkara ini adalah satu pengalaman yang hebat untuk bekerja di bawah pengawasan beliau kerana penambahbaikan yang diberikan sangat membina dan menyumbang ilmu yang besar dalam penulisan akademik saya.



Terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa saya, Boi bin Auong dan Masnah binti Satih atas didikan, bimbingan, doa dan restu yang diberikan. Segala jasa Ayah dan Ibu serta ahli keluarga akan dihargai sehingga penghujung hayat. Tidak dilupakan, tulang belakang saya di kampus iaitu saudara Saddam Husain bin Abu Hassan yang senantiasa ada bersama saya di saat jatuh dan bangkit dalam berhadapan dengan pelbagai cabaran. Sesungguhnya segala pengorbanannya amat disanjung dan akan saya ingati sepanjang hayat.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa daerah Hilir Perak, Perak yang memberikan kerjasama yang baik dalam proses pengumpulan data kajian ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada generasi yang akan datang.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis personaliti yang paling dominan, tahap kepuasan kerja, dan mengukur hubungan antara personaliti (Keterbukaan, Kehematan, Ekstraversi, Kesetujuan dan Neurotisme) dengan kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa di daerah Hilir Perak. Seramai 37 orang GBKSM di daerah Hilir Perak telah terlibat sebagai responden. Data dikumpul melalui instrumen *Big Five Inventory-10 (BFI-10)* yang telah diterjemahkan oleh Muhammad Idris (2021) dan *Job Satisfaction Survey (JSS)* yang telah diterjemahkan oleh Tan Soo Luan (2010). Analisis deskriptif iaitu kekerapan dan peratusan digunakan untuk analisis taburan, manakala analisis Korelasi Pearson digunakan untuk analisis hubungan antara personaliti dengan tahap kepuasan kerja. Penganalisan data dibuat berbantuan perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* versi 22.0. Dapatan deskriptif menunjukkan bahawa personaliti yang paling dominan bagi GBKSM di daerah Hilir Perak adalah personaliti Keterbukaan. Tahap kepuasan kerja GBKSM berada pada tahap yang sederhana. Dapatan turut menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Personaliti Keterbukaan, Kehematan, Ekstraversi dan Kesetujuan dengan kepuasan kerja. Sebaliknya, terdapat hubungan yang signifikan antara Personaliti Neurotisme dengan kepuasan kerja GBKSM. Sehubungan itu, tindakan susulan boleh diambil oleh pihak yang bertanggungjawab untuk meningkatkan tahap kepuasan kerja agar dapat menjamin kualiti Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Namun begitu, kajian masa hadapan perlu melihat aspek-aspek lain yang turut mempengaruhi tahap kepuasan kerja GBKSM, misalnya stress, iklim sekolah dan efikasi sendiri.





RELATIONSHIP BETWEEN PERSONALITY AND JOB SATISFACTION AMONG FULL - TIME GUIDANCE AND COUNSELING TEACHERS IN HILIR PERAK DISTRICT

ABSTRACT

This study aims to identify the most dominant personality type, the level of job satisfaction, and measure the relationship between personality (Openness, Conscientiousness, Extraversion, Agreeableness, and Neuroticism) and the job satisfaction of Full - Time Guidance and Counselling teachers in the Hilir Perak district. A total of 37 Full - Time Guidance and Counselling teachers in the Hilir Perak district have been involved as respondents. Data was collected through the instrument Big Five Inventory-10 (BFI-10) which was translated by Muhammad Idris (2021) and Job Satisfaction Survey (JSS) which was translated by Tan Soo Luan (2010). Descriptive analysis, using frequency and percentage, is used for distribution analysis, while Pearson correlation analysis is used for analysis of the relationship between personality and job satisfaction level. Data analysis was done with the Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 22.0 software. Descriptive findings show that the most dominant personality of Full - Time Guidance and Counselling teachers in the Hilir Perak district is Openness personality. The level of job satisfaction of Full - Time Guidance and Counselling teachers is moderate. The findings also shown that there is no significant relationship between the Personality of Openness, Conscientiousness, Extraversion and Agreeableness with job satisfaction. On the other hand, there is a significant relationship between Neuroticism personality and the job satisfaction of Full - Time Guidance and Counselling teachers. Accordingly, follow-up actions can be taken by the responsible party to increase the level of job satisfaction in order to guarantee the quality of guidance and counselling services. Nevertheless, future studies need to look at other aspects that also affect the level of Full - Time Guidance and Counselling teachers' job satisfaction, such as stress, school climate, and self-efficacy.





ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Hipotesis Kajian	11
1.7 Kerangka Teoritikal Kajian dan Kerangka Konseptual Kajian	12



1.7.1 Kerangka Teoritikal Kajian	12
1.7.1.1 Teori Personaliti Lima Utama (Robert McCrae & Paul Costa, 1997)	13
1.7.1.2 Model Kepuasan Kerja Smith et al. (1985)	14
1.7.2 Kerangka Konseptual Kajian	15
1.8 Definisi Istilah	16
1.8.1 Personaliti	16
1.8.2 Kepuasan Kerja	17
1.8.3 Keterbukaan	18
1.8.4 Kehematan	18
1.8.5 Ekstraversi	19
1.8.6 Kesetujuan	20
1.8.7 Neurotisme	20
1.8.8 Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	21
1.9 Batasan Kajian	22
1.10 Kepentingan Kajian	23
1.11 Rumusan	24

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	25
2.2 Kajian Literatur	26
2.3 Kajian Literatur berkaitan Personaliti	26
2.3.1 Personaliti Kehematan	27
2.3.2 Personaliti Ekstraversi	29
2.3.3 Personaliti Kesetujuan	30
2.4 Kajian Literatur berkaitan Kepuasan Kerja	30
2.5 Kajian Literatur berkaitan Hubungan Personaliti dengan Kepuasan Kerja	41

2.6 Rumusan	48
-------------	----

BAB 3: METODOLOGI

3.1 Pengenalan	49
3.2 Pendekatan Kajian	50
3.3 Populasi dan Sampel	51
3.3.1 Populasi	51
3.3.2 Sampel	54
3.4 Instrumen Kajian	55
3.5 Kesahan dan Kebolehppercayaan	63
3.5.1 Kesahan <i>Big Five Inventory - 10 (BFI - 10)</i>	64

3.5.2	Kebolehpercayaan <i>Big Five Inventory - 10 (BFI - 10)</i>	66
3.5.3	Kesahan <i>Job Satisfaction Survey (JSS)</i>	68
3.5.4	Kebolehpercayaan <i>Job Satisfaction Survey (JSS)</i>	69
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	70
3.7	Kaedah/ Teknik Menganalisis Data	71
3.7.1	Analisis Data Deskriptif	72
3.7.2	Analisis Data Inferensi	73
3.8	Rumusan	75

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	76
4.2	Latar Belakang Demografi	77
4.2.1	Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	77
4.2.2	Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi	78
4.2.3	Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Gred Jawatan	79
4.3	Personaliti yang Paling Dominan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	80

4.4 Tahap Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	81
4.5 Hubungan antara Personaliti dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBKSM)	82
4.5.1 Hubungan Personaliti Keterbukaan dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	82
4.5.2 Hubungan Personaliti Kehematan dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	83
4.5.3 Hubungan Personaliti Ekstraversi dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	84
4.5.4 Hubungan Personaliti Kesetujuan dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	85
4.5.5 Hubungan Personaliti Neurotisme dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	86
4.6 Rumusan	87

BAB 5: PERBINCANGAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN PENYELIDIKAN

5.1 Pengenalan	88
5.2 Ringkasan Kajian	89
5.3 Perbincangan	90
5.3.1 Personaliti yang Paling Dominan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	90
5.3.2 Tahap Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	91
5.3.3 Hubungan Personaliti Keterbukaan dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	93
5.3.4 Hubungan Personaliti Kehematan dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	94
5.3.5 Hubungan Personaliti Ekstraversi dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	95
5.3.6 Hubungan Personaliti Kesetujuan dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	97
5.3.7 Hubungan Personaliti Neurotisme dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	98
5.4 Implikasi Kajian	99



5.4.1	Implikasi Teoritikal	100
5.4.2	Implikasi Praktikal	101
5.4.2.1	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	101
5.4.2.2	Pihak Pentadbiran Sekolah	102
5.4.2.3	Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)	103
5.4.2.4	Pengkaji Masa Hadapan	103
5.5	Cadangan Penyelidikan	104
5.6	Rumusan	105



RUJUKAN

LAMPIRAN





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Model Lima Faktor (Robert McCrae & Paul Costa, 1997)	14
3.1	Maklumat Bilangan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa Daerah Hilir Perak dan Sampel Kajian	51
3.2	Jadual Penentuan Saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970)	53
3.3	Instrumen Asal Kajian dan Bilangan Item	56
3.4	Senarai Item berdasarkan dimensi dalam <i>Big Five Inventory - 10 (BFI-10)</i>	57
3.5	Penskoran Sakala Likert bagi <i>Big Five Inventory - 10 (BFI-10)</i>	57
3.6	Senarai Item berdasarkan dimensi dalam <i>Job Satisfaction Survey (JSS)</i>	59
3.7	Penskoran Skala Likert bagi <i>Job Satisfaction Survey (JSS)</i>	63
3.8	Kekuatan Hubungan <i>Guildford Rule of Thumb</i>	67
3.9	Nilai Kebolehpercayaan <i>Big Five Inventory (BFI)</i> daripada Kajian Lepas	
3.10	Nilai Kebolehpercayaan <i>Job Satisfaction Survey (JSS)</i> daripada Kajian Lepas	70
3.11	Pengujian Statistik (Deskriptif) bagi Menjawab Persoalan Kajian	72
3.12	Pengujian Statistik (Inferensi) bagi Menjawab Persoalan	





Kajian

- | | | |
|------|--|----|
| 4.1 | Taburan Kekerapan dan Peratusan Mengikut Jantina | |
| 4.2 | Taburan Kekerapan dan Peratusan Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi | 75 |
| 4.3 | Taburan Kekerapan dan Peratusan Mengikut Gred Jawatan | 76 |
| 4.4 | Personaliti yang Paling Dominan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa | 77 |
| 4.5 | Tahap Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa | 78 |
| 4.6 | Keputusan Ujian Korelasi bagi Personaliti Keterbukaan dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa | 79 |
| 4.7 | Keputusan Ujian Korelasi bagi Personaliti Kehematan dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa | 80 |
| 4.8 | Keputusan Ujian Korelasi bagi Personaliti Ekstraversi dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa | 81 |
| 4.9 | Keputusan Ujian Korelasi bagi Personaliti Kesetujuan dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa | 82 |
| 4.10 | Keputusan Ujian Korelasi bagi Personaliti Neurotisme dengan Kepuasan Kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa | 83 |





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Model Kepuasan Kerja Smith et al. (1955)	15
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	16
3.1	Prosedur Pengumpulan Data	69





SENARAI SINGKATAN

Singkatan

AGFI	<i>Adjusted Good Fix of Index</i>
ATS	<i>Anticipated Turnover Scale</i>
BFI	<i>Big Five Inventory</i>
ECI	<i>Emotional Competence Inventory</i>
EFA	<i>Exploratory Factor Analysis</i>
FJSDS	<i>Faculty Job Satisfaction/ Dissatisfaction Scale</i>
GBKSM	Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa
GFI	<i>Goodness Fit Index</i>
IKEM	Inventori Kepintaran Emosi Malaysia
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JDI	<i>Job Descriptive Index</i>
JSS	<i>Job Satisfaction Survey</i>
KMO	<i>Kaiser Myer - Olkin</i>
KUIS	Kolej Universiti Islam Selangor
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LOQFS	<i>Learning Organization Questionnaire for School</i>
LSOC	<i>Litwin and Stringer Organizational Climate</i>





MBI	<i>Maslach Burnout Inventory</i>
MGKK	Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
MSQ	<i>Minnesota Satisfaction Questionnaire</i>
NEO-FFI	<i>Neo - Five Factor Inventory</i>
OCQ	<i>Organization Commitment Questionnaire</i>
OSI	<i>Occupational Stress Indicator</i>
PGA	Pasukan Gerakan Am
PSS	<i>Perceived Stress Scale</i>
SK	Sekolah Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
TJPSQ	<i>Teacher's Job Performance Self-Rating Questionnaire</i>
TJSQ	<i>Teacher Job Satisfaction Questionnaire</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UTM	Univesiti Teknologi Malayisia
WOS	<i>Worker Opinion Survey</i>
WVQ	<i>The Work Value Questionnaire</i>
YPKDT	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim





SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

- A Surat Menjalankan Kajian di Institusi
- B Kebenaran Penggunaan instrumen *Big Five Inventory - 10 (BFI - 10)*
- C Kebenaran Penggunaan Instrumen *Job Satisfaction Survey (JSS)*
- D Instrumen *Big Five Inventory - 10 (BFI - 10)*
- E Instrumen *Job Satisfaction Survey (JSS)*
- F Data Maklum balas *Google Forms*





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Bab satu dalam kajian ini menjelaskan latar belakang kajian di mana idea - idea umum mengenai skop kajian diterangkan dengan terperinci. Kemudian, beberapa sub - topik penting yang terdapat dalam kajian ini seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan dan objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kesignifikan kajian, definisi kajian yang mencakupi konsep dan operasional, limitasi kajian, serta kerangka konseptual kajian turut dijelaskan dalam bab ini.



1.2 Latar Belakang Kajian

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah-sekolah Malaysia telah diwujudkan pada tahun 1968 berdasarkan kenyataan yang terdapat dalam Surat Pekeliling KP 5209/30 (13) 1 September 1968. Walaupun Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling telah lama diaplikasikan di Malaysia, perkhidmatan ini telah rasminya diwujudkan pada tahun 1980, iaitu selepas Menteri Pelajaran Malaysia membuat pengisytiharan pada tahun 1978. Selepas daripada itulah, Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling berkembang dengan pesat.

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia telah menjadi salah satu keperluan semua rakyat Malaysia terutamanya di *setting* sekolah dan komuniti dalam membantu dari aspek perkembangan atau perubahan afektif, tingkah laku dan kognitif. Nurazyanti Aziz (2013) menyatakan bahawa profesion kaunseling semakin berkembang dan mendapat perhatian umum sebagai antara penyumbang utama kepada masyarakat khususnya bagi kelompok masyarakat di Malaysia.

Pihak yang menggerakkan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah dikenali sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM). Di sekolah, GBKSM merupakan sumber tenaga yang penting dalam sistem pendidikan di mana perlu menjalankan perkhidmatan berdasarkan empat fokus utama iaitu, Pembangunan dan Perkembangan Sahsiah Diri Murid, Pendidikan Kerjaya Murid, Peningkatan Disiplin Diri Murid dan Psikososial dan Kesejahteraan Mental. Menurut Faizah Abd Ghani dan Faziah Hashim (2016), Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah rendah dan

menengah adalah antara pemangkin pendidikan berkualiti negara terutama dalam aspek pembangunan modal insan.

Dasarwarsa ini, pelbagai cabaran telah dihadapi oleh GBKSM yang menuntut kepada perubahan struktur dan anjakan paradigma bagi memastikan mereka ini lebih fleksibel dalam menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Hal ini bermaksud, GBKSM hari ini senantiasa dipertanggungjawabkan dengan perkara-perakara baharu. Perkara ini telah disokong oleh Tengku Elmi Azlina Tengku Muda (2021), yang berpendapat bahawa;

walaupun dengan pelbagai isu yang dihadapi dalam kalangan pelajar sekolah, peranan dan tanggungjawab guru - guru bimbingan dan kaunseling semakin kompleks yang mencabar yang menyebabkan mereka perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan, menguasai kemahiran - kemahiran kaunseling dengan baik, mematuhi Kod Etika Kaunselor serta memiliki tahap sosial yang tinggi (ms. 78).

Selanjutnya, pihak pentadbir yang kurang jelas berkaitan dengan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling ini cenderung untuk mempersoalkan gerak kerja dan kefungisian GBKSM di sekolah. Menurut Lee Imm Chon (2017), guru-guru lain menganggap kaunselor tidak melaksanakan tugas kerana bidang tugas kaunselor tidak terlibat sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Oleh itu, GBKSM akan diberi tugas di luar bidang tugas yang sepatutnya seterusnya memberi kesan terhadap personaliti dan tahap kepuasan kerja. Hal tersebut disokong oleh Crispina Gregory dan Evonne Lai Eng Fei (2020), di samping tugas



mereka, guru terlibat dalam kaunseling, menangani masalah disiplin, mengutip yuran dan tugas - tugas perkeranian yang lain.

Kesan daripada bidang tugas yang kurang bersesuaian dengan Personaliti GBKSM mempengaruhi tahap kepuasan kerja dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. GBKSM dianggap sebagai seorang yang berkarisma dan mudah didekati oleh warga sekolah. Pernyataan ini telah disokong dengan salah satu Perekayasan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menyatakan bahawa GBKSM adalah seorang yang memiliki personaliti guru yang paling dipercayai, diyakini dan disenangi (*trustworthy*) oleh murid, rakan sejawat, ibu bapa dan masyarakat di sekolah (Surat Siaran KPM, Bil 12 Tahun 2012).



Maka jelaslah bahawa, tugas seorang GBKSM adalah bukan mudah dan memerlukan keupayaan fleksibel yang tinggi. Tambahan pula, personaliti GBKSM memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan tahap kepuasan kerja di samping untuk mencapai matlamat dan objektif Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. Menurut Azlina Mohd. Khir, Ianalisa Ghazali dan Zanariah Ismail (2019), personaliti positif atau negatif akan mempengaruhi kepuasan kerja mereka. Kesannya, GBKSM menghadapi tekanan yang akan mengganggu kualiti Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Jono Yusup (2017), telah menyatakan bahawa, situasi - situasi yang memberikan banyak tekanan memberikan kesan terhadap prestasi kerjaya mereka.



1.3 Pernyataan Masalah

Kepuasan kerja adalah elemen yang penting dan bermakna bagi Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) dalam melaksanakan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang efisien di sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Profesion yang mulia ini di mana melibatkan perhubungan menolong antara manusia sudah tentunya sangat mencabar seiring berhadapan dengan arus kemodenan ini pelbagai isu yang timbul.

Antara isu yang wujud ialah kegagalan pihak pentadbir untuk menyelaraskan tugas GBKSM kerana kurang cakna akan bidang tugas yang perlu dilakukan berdasarkan Buku Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah. Leong Imm Chon (2017), telah menyatakan bahawa;

melakukan tugas-tugas lain yang kurang berkaitan dengan khidmat kaunseling, konflik tugas kerana kegagalan pihak pentadbiran memahami khidmat kaunseling, banyak masa digunakan untuk aktiviti lain dari khidmat kaunseling, memainkan pelbagai peranan atau dwi peranan termasuk mengajar dan mengganti kelas serta mengalami konflik tugas dan perasaan cemburu dari guru-guru lain kerana kaunselor kurang mengajar (ms. 3).

Kini, GBKSM tidak lagi diperuntukkan masa untuk mengajar kerana terdapat beberapa aspek yang perlu dilengkapi. Antara aspek yang perlu dilengkapi adalah seperti jam sesi kaunseling individu, kaunseling kelompok, konsultasi, bimbingan individu, bimbingan kelompok, merancang program berdasarkan empat fokus utama Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dan lain - lain. Perkara ini telah dinyatakan dalam Surat



Siaran Pelantikan Kaunselor Sepenuh Masa bertarikh 18 Mac 1996 dan juga Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1996 Panduan Tambahan: Pelantikan Guru Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) di Sekolah Menengah pada tarikh 11 Julai 1996.

Selain itu, GBKSM di sesebuah sekolah akan sentiasa dirujuk ketika menghadapi sebarang permasalahan dan tidak terlepas daripada tekanan yang diberi oleh pihak atasan akibat kerja yang diberikan di luar bidang mereka sehinggakan rasa kepuasan kerja menjadi minimum. Isu ini dapat dibuktikan melalui kajian oleh Wan Zuriaty Ismail (2012), pihak pentadbiran sekolah masih lagi membebani mereka dengan kerja luar bidang mereka seperti kerja-kerja perkeranian, guru ganti dan guru matapelajaran.

Jelaslah bahawa, kompetensi GBKSM ini semakin merosot seterusnya menjejaskan kepuasan kerja dalam memberi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. Aspek psikologi GBKSM juga perlu dititikberatkan agar mampu untuk memberi perkhidmatan yang baik di Unit Bimbingan dan Kaunseling setiap sekolah. Mclauchlan (2010) berpendapat bahawa kepuasan kerja mempunyai kaitan dengan keletihan emosi dan tekanan kerja dalam kalangan guru. Apabila guru tersebut mengalami ketidakstabilan dari aspek psikologi, perkara ini akan menjadikan kepuasan kerjanya menjadi minimum.

Sekiranya dilihat dari aspek personaliti yang positif dan kepuasan kerja merupakan satu perkaitan yang tidak dapat dicerakinkan kerana rangsangan yang positif akan menghasilkan tahap kepuasan bekerja yang maksimum. Menurut Nur Hamizah Zainudin dan Tajul Arifin Muhamad (2021), kepuasan kerja merupakan asas utama dalam organisasi bagi menghasilkan kualiti kerja yang cemerlang serta membantu dalam kemenjadian murid. Ringkasnya, personaliti yang cenderung ke arah kebaikan, rajin dan



berusaha untuk mencapai sesuatu dengan gigih akah menghasilkan kepuasan kerja yang tinggi.

Berdasarkan kajian Nik Nabil Safwan dan Tajul Arifin Muhamad (2019), pemahaman yang baik tentang personaliti dapat mendorong pekerja untuk lebih komited agar dapat kerja dengan baik untuk mencapai prestasi mereka di dalam sesebuah organisasi. Oleh itu, sokongan dan hubungan yang erat antara pihak pentadbiran dan rakan sekerja dapat menyediakan persekitaran kerja yang menarik dalam membantu guru mengekalkan komitmen dan prestasi yang cemerlang bagi kemenjadian murid secara holistik seiring dengan misi dan visi Kementerian Pendidikan Malaysia (Nur Hamizah Zainudin & Tajul Arifin Muhamad, 2021).

Pihak - pihak yang berwajib perlu mengambil inisiatif yang bijak dan segera bagi mengatasi permasalahan tekanan dalam kalangan GBKSM di sekolah, bagi meningkatkan mutu dan kualiti dalam aspek kepuasan kerja (Wan Zuriaty Ismail, 2012). Pihak pentadbiran dan guru - guru seharusnya diberi pencerahan berkaitan dengan bidang tugas Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang dijalankan di sekolah. Perkhidmatan yang ditawarkan juga melibatkan pembangunan modal insan dan kesejahteraan warga sekolah yang menjadi keutamaan belakangan ini.

Dalam meningkatkan tahap kepuasan kerja, bidang tugas luar yang ingin diberikan hendaklah dipertimbangkan terhadap GBKSM berdasarkan personaliti mereka. Menurut Seddigh et al. (2016), terdapat isu di mana rata - rata pekerja menghadapi ketidakpuasan dalam kerja mereka kerana tret personaliti yang tidak berapa sesuai

dengan pekerjaan yang dilakukan. Jelaslah bahawa, ketidak selarasan personaliti dengan bidang tugas yang diberikan akan mempengaruhi kepuasan kerja mereka.

Begitu pentingnya kepuasan kerja yang maksimum untuk dicapai oleh GBKSM, yang turut memberi kesan kepada Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling sesebuah sekolah khususnya perkembangan diri murid - murid. Menurut Nurul Asyikin Zulkefli (2016), organisasi yang berjaya dapat memahami sepenuhnya setiap personaliti pekerja mereka dan dapat memaksimumkan kesannya terhadap prestasi kerja dengan memberikan kerja - kerja yang betul dan menggunakan pendekatan yang berbeza dalam memberikan ganjaran serta insentif dalam memberi motivasi kepada mereka.

Selain itu, menurut Rahman dan Mansor (2018), secara psikologinya faktor seperti gaji, penyelia dan rakan sekerja juga mempengaruhi kepuasan kerja guru dalam sesuatu organisasi. Tidak dinafikan faktor luaran dan faktor dalaman banyak memberi kesan kepada tahap kepuasan kerja seseorang termasuklah GBKSM dalam bergerak seiring untuk merealisasikan misi dan visi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terhadap pembelajaran abad ke-21.

Secara perbandingannya, banyak kajian Hubungan Personaliti dengan Prestasi Kerja mahupun Kepuasan Kerja telah dijalankan, namun hanya memfokuskan kepada guru subjek lain tetapi masih kurangnya perhatian diberikan kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM), sedangkan mereka lebih terdedah kepada perhubungan menolong secara langsung di mana para pelajar atau pihak sekolah tersebut datang berkongsi isu yang dihadapinya tambahan pula dengan bebanan tugas yang agak banyak.

Oleh itu, untuk memahami personaliti dengan kepuasan kerja golongan GBKSM, perkara ini perlu dikaji. Hal ini telah disokong oleh kajian Nik Nabil Safwan dan Tajul Arifin (2019), kajian berkenaan tret personaliti dan prestasi kerja ini juga boleh dijalankan lebih terperinci dengan menambah pemboleh ubah lainnya. Contoh, tahap kepuasan kerja sebagai pemboleh ubah yang baharu.

Konklusinya, bagi menyahut cabaran untuk memenuhi jurang pemboleh ubah serta kelompok sasaran kajian oleh Nik Nabil Safwan dan Tajul Arifin (2019), maka penambahbaikan kajian ini melibatkan Hubungan Personaliti dengan Kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) untuk dikaji dengan lebih mendalam.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan personaliti dengan kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) di sekolah. Objektif khusus bagi kajian ini ialah:

- 1.4.1 Untuk mengenal pasti jenis personaliti yang paling dominan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM).
- 1.4.2 Untuk mengenal pasti tahap kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM).

- 1.4.3 Untuk mengukur hubungan antara personaliti Keterbukaan dengan tahap kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM).
- 1.4.4 Untuk mengukur hubungan antara personaliti Kehematan dengan tahap kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM).
- 1.4.5 Untuk mengukur hubungan antara personaliti Ekstraversi dengan tahap kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM).
- 1.4.6 Untuk mengukur hubungan antara personaliti Kesetujuan dengan tahap kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM).
- 1.4.7 Untuk mengukur hubungan antara personaliti Neurotisme dengan tahap kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM).

1.5 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian yang telah dikemukakan bagi menentukan objektif kajian yang hendak dicapai ialah:

- 1.5.1 Apakah jenis personaliti yang paling dominan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)?
- 1.5.2 Apakah tahap kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)?

- 1.5.3 Adakah terdapat hubungan antara personaliti Keterbukaan dengan kepuasan kerja dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)?
- 1.5.4 Adakah terdapat hubungan antara personaliti Kehematan dengan kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)?
- 1.5.5 Adakah terdapat hubungan antara personaliti Ekstraversi dengan kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)?
- 1.5.6 Adakah terdapat hubungan antara personaliti Kesetujuan dengan kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)?
- 1.5.7 Adakah terdapat hubungan antara personaliti Neurotisme dengan kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)?

1.6 Hipotesis Kajian

Antara hipotesis kajian yang dikemukakan ialah:

- Ho1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti Keterbukaan dengan kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM).
- Ho2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti Kehematan dengan kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM).

- Ho3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti Ekstraversi dengan kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM).
- Ho4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti Kesetujuan dengan kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM).
- Ho5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti Neurotisme dengan kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM).

1.7 Kerangka Teoritikal Kajian dan Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka teoritikal dan konseptual kajian merupakan aspek yang penting dan mendasari kepada sesebuah kajian. Kerangka teoritikal adalah kerangka yang sedia ada dan telah diuji, manakala kerangka konseptual pula adalah garis panduan atau struktur yang menghubungkan semua pemboleh ubah atau idea utama yang terlibat dalam kajian ini bagi memudahkan untuk menentukan perkaitan antara pemboleh ubah yang terlibat.

1.7.1 Kerangka Teoritikal Kajian

Terdapat satu teori dan satu model yang digunakan dalam kajian ini iaitu, Teori Personaliti Lima Utama (Robert McCrae & Paul Costa, 1997) dan juga Model Kepuasan Kerja Smith et al. (1985).

1.7.1.1 Teori Personaliti Lima Utama (Robert McCrae & Paul Costa, 1997)

Robert McCrae dan Paul Costa (1997), telah menformulasikan Trait Lima Faktor. Secara umumnya, lima personaliti dominan individu dapat dikategorikan kepada lima trait yang asas dikenali sebagai OCEAN. Lima sifat tersebut ialah *Openness*, *Conscientiousness*, *Extraversion*, *Agreeableness* dan *Neuroticism* dan masing - masing diterjemahkan sebagai Keterbukaan, Kehematan, Ekstraversi, Kesetujuan dan Neurotisme (Hazalizah Hamzah & Roslinda Mustapha, 2014).


Jadual 1.1: Teori Personaliti Lima Utama (Robert McCrae & Paul Costa, 1997)

Faktor	Penerangan
Keterbukaan (<i>Openness</i>)	Kebolehan Berimaginasi, Minat terhadap Seni, Kebebasan
Kehematan (<i>Conscientiousness</i>)	Teratur, Kecekapan Diri, Berhati-hati
Ekstraversi (<i>Extraversion</i>)	Sosial, Ramah, Penyayang
Kesetujuan (<i>Agreeableness</i>)	Kepercayaan, Moraliti, Kerendahan hati
Neurotisme (<i>Neuroticism</i>)	Perasaan Risau, Kurang Kawalan Diri, Cemas

Jadual 1.1 menunjukkan Model Lima Faktor (Robert McCrae & Paul Costa, 1997). Lima faktor tersebut adalah, Keterbukaan (*Openness*) yang bermaksud kebolehan individu untuk berimaginasi, cenderung minat terhadap seni dan sukakan kepada kebebasan. Faktor yang kedua ialah, Kehematan (*Conscientiousness*), di mana individu adalah seorang yang teratur, cekap dan berhati-hati dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

Seterusnya, Ekstraversi (*Extraversion*) merujuk kepada individu yang mempunyai ciri-ciri gemar bersosial, peramah dan penyayang dalam kehidupan. Faktor yang lain pula ialah, Kesetujuan (*Agreeableness*) yang menunjukkan seseorang yang mementingkan kepada prinsip kepercayaan yang tinggi, moraliti dan mempunyai kerendahan hati. Faktor yang kelima adalah Neurotisme (*Neuroticism*), individu yang mempunyai tahap kerisauan yang tinggi, kurang kawalan diri dan mudah cemas dalam sesuatu keadaan yang genting.

1.7.1.2 Model Kepuasan Kerja Smith et al. (1985)




Rajah 1.1 Model Kepuasan Kerja Smith et al. (1985)

Rajah 1.1 menunjukkan model kepuasan kerja berpandukan Model Smith et al. (1985), yang terdiri daripada lima konstruk iaitu suasana pekerjaan, gaji, rakan sekerja, penyeliaan dan kenaikan pangkat. Kelima-lima konstruk ini akan mempengaruhi tahap kepuasan kerja individu berdasarkan kepada *Job Satisfaction Survey (JSS)* versi bahasa

Melayu telah diterjemahkan oleh Tan Soo Luan (2010) yang turut digunakan oleh Aznida Suhani Jailani, Jasmi Abu Talib, Nurul Jannah Abdul Latiff, dan Mohd Zaki Talib (2021), dalam sebuah kajian terhadap Stres, Daya Tahan, dan Kepuasan Kerja dalam Kalangan Guru di Kuala Nerus, Terengganu.

1.7.2 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka Konseptual kajian dibina sebagaimana yang telah dilampirkan pada Rajah 1.2. Berdasarkan Rajah 1.2 terdapat lima pemboleh ubah bebas yang telah dikenal pasti yang mempengaruhi kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa. Pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini pula adalah kepuasan kerja. Berikut merupakan kerangka konseptual berkaitan kajian yang dijalankan dan dipaparkan menerusi Rajah 1.2 dalam kajian ini.



Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan Rajah 1.2 kerangka konseptual kajian menunjukkan perhubungan antara pemboleh ubah - pemboleh ubah yang dikaji menerusi kajian ini, iaitu hubungan kait antara pemboleh ubah personaliti (Keterbukaan, Kehematan, Ekstraversi, Kesetujuan dan Neurotisme) dan kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM).

1.8 Definisi Istilah

Istilah yang digunakan dalam kajian ini termasuklah, personaliti, kepuasan kerja, keterbukaan, kehematan, ekstraversi, kesetujuan, neurotisme dan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM). Berikut merupakan definisi istilah yang

1.8.1 Personaliti

Gordon Allport (1961), mendefinisikan personaliti sebagai organisasi sistem psikologikal yang dinamik dalam jiwa seseorang. Sistem ini akan menentukan ciri-ciri tingkah laku individu dan penyesuaiannya dengan persekitaran. Personaliti juga didefinisikan sebagai, konfigurasi ciri - ciri dan tingkah laku yang mengandungi penyesuaian unik dalam kehidupan bagi seseorang, termasuklah tret - tret utama, minat, dorongan, nilai, konsep sendiri, kebolehan dan pola perasaan (Hazalizah Hamzah, Asmawati Desa & Arifin Haji Zainal, 2015).

Seterusnya Allen dan Walter (2019), mendefinisikan personaliti sebagai kepelbagaian watak, perangai, akal serta fizikal individu yang stabil serta menghasilkan daya tahan dalam menghasilkan keunikan penyesuaian untuk sekeliling.

Dalam konteks kajian ini, terdapat lima jenis personaliti yang dikaji terhadap Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) yang merangkumi, jenis personaliti keterbukaan, kehematan, ekstrasversi, kesetujuan dan neurotisme yang diukur dengan menggunakan *Big Five Inventory - 10 (BFI - 10)* versi bahasa Melayu yang telah diterjemahkan oleh Muhammad Idris (2021).

1.8.2 Kepuasan Kerja

Menurut Smith, Kendall dan Hulin (1969), kepuasan kerja membawa maksud perasaan seorang pekerja tentang pekerjaannya. Ringkasnya, keadaan emosi yang menggembirakan dan positif hasil daripada penilaian pekerjaan atau pengalaman kerja seseorang (Locke, 1976). Othman. S. (2007), mendefinisikan kepuasan kerja sebagai kepuasan yang dirasakan oleh seseorang individu terhadap pekerjaan yang diceburi.

Di dalam kajian ini, kepuasan kerja merujuk kepada tahap kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) dengan menggunakan soal selidik *Job Satisfaction Survey (JSS)* versi bahasa Melayu yang telah diterjemahkan oleh Tan Soo Luan (2010) turut digunakan oleh Aznida Suhani Jailani, Jasmi Abu Talib, Nurul Jannah Abdul Latiff, dan Mohd Zaki Talib (2021) .

1.8.3 Keterbukaan

Menurut McCrae dan Costa (1987), Keterbukaan membawa maksud individu yang mempunyai ciri-ciri seperti imaginasi dan wawasan. Individu yang tinggi dalam sifat ini cenderung untuk menjadi lebih kreatif dan mencabar berbanding rendah yang tidak suka kepada perubahan. Seterusnya, Shahlan Surat dan Zawiyah Zali (2022), mendefinisikan keterbukaan sebagai keterbukaan kepada pengalaman, kognitif dan bukan kognitif, yang ditunjukkan dalam pelbagai kepentingan, kesungguhan untuk mencari dan pengalaman hidup baru dan luar biasa tanpa kebimbangan dan juga dengan keseronokan.

Dalam konteks kajian ini, personaliti Keterbukaan merujuk kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) yang bersifat rasa ingin tahu yang tinggi, kreatif, dan menghargai pengalaman baru berdasarkan *Big Five Inventory - 10 (BFI-10)* versi bahasa Melayu yang telah diterjemahkan oleh Muhammad Idris (2021). GBKSM ini tidak menghadapi sebarang kesukaran kerana mengikuti arus perkembangan semasa.

1.8.4 Kehematan

Menurut McCrae dan Costa (1987), individu pada sifat kehematan ini adalah bersifat tahap keprihatinan yang tinggi, dengan kawalan dorongan yang baik dan tingkah laku yang diarahkan oleh matlamat. Individu ini juga sangat prihatin, terancang dan terperinci. Kehematan didefinisikan sebagai dimensi yang menumpukan kepada isu-isu seperti orientasi, tingkah laku kebiasaan, dan kawalan gerak hati (Shahlan Surat & Zawiyah Zali,



2022). Perkara ini merujuk kepada individu yang bertanggungjawab, berhati-hati, teliti, teratur, boleh dipercayai, rajin, berdisiplin, menepati masa, kemas, bercita-cita tinggi dan gerak hati.

Di dalam kajian ini juga, personaliti jenis kehematan bermaksud Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) yang mempunyai ciri-ciri berhati-hati dalam membuat keputusan, dan juga memiliki disiplin diri yang sangat tinggi diukur menggunakan *Big Five Inventory - 10 (BFI - 10)* versi bahasa Melayu yang telah diterjemahkan oleh Profesor Madya Dr. Muhammad Idris (2021).

1.8.5 Ekstraversi



Ekstraversi didefinisikan sebagai, kegembiraan, keramahan, ketegasan dan keterangkuman emosi yang tinggi (McCrae & Costa, 1987). Individu yang tinggi sifat ini cenderung untuk bersosial berbanding individu yang rendah sifatnya. Seterusnya, Shahlan Surat dan Zawiyah Zali (2022), mendefinisikan ekstraversi sebagai individu yang digambarkan sebagai tegas, bercita-cita tinggi, pandai bergaul, aktif, suka bercakap, berorientasikan orang, optimistik dan penyayang.

Dalam konteks kajian ini, personaliti ekstraversi adalah Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) yang jenis mudah bergaul, aktif, dan peka terhadap tindak balas serta senang bersosial dengan persekitaran yang diukur menggunakan *Big Five Inventory - 10 (BFI - 10)* versi bahasa Melayu yang telah diterjemahkan oleh Muhammad Idris (2021).



1.8.6 Kesetujuan

Menurut McCrae dan Costa (1987), dimensi personaliti kesetujuan ini merangkumi sifat - sifat seperti kepercayaan, altruisme, kebaikan dan kasih sayang. Individu yang tinggi sifatnya cenderung untuk menjadi lebih kooperatif manakala yang rendah akan menjadi lebih berdaya saing dan juga manipulatif. Individu ini digambarkan sebagai seorang yang bertolak ansur, mempercayai, fleksibel, pemaaf, bekerjasama, sopan, lembut hati, baik-hati, mudah tertipu serta terus-terang seperti yang telah dinyatakan oleh Shahlan Surat dan Zawiyah Zali (2022).

Dalam konteks kajian ini, kesetujuan ialah Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) yang mempunyai personaliti perasaan belas kasihan dalam perkara yang berkaitan fikiran, perasaan dan tindakan, berhati lembut, suka menolong dan boleh dipercayai yang diukur dengan menggunakan alat ukur *Big Five Inventory - 10* (*BFI - 10*) versi bahasa Melayu yang telah diterjemahkan oleh Muhammad Idris (2021).

1.8.7 Neurotisme

Neurotisme membawa maksud sifat yang dicirikan oleh kesedihan, kesunyian, dan ketidakstabilan emosi (McCrae & Costa, 1987). Individu yang tinggi sifatnya cenderung mengalami perubahan mood, kebimbangan, dan kesedihan. Menurut Shahlan Surat dan Zawiyah Zali (2022), neurotisme digambarkan sebagai ketidakstabilan emosi, iaitu meliputi perasaan marah, malu, cemas, bermusuhan, tertekan, sedar diri, impulsif, gelisah, emosional, tidak selamat dan tidak mencukupi.

Dalam kajian ini, Neurotisme merujuk kepada kecenderungan untuk Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) yang menghadapi ketidakstabilan emosi. Ketidakstabilan emosi, meliputi perasaan marah, malu, cemas, impulsif, gelisah, dan tidak selamat yang diukur dengan menggunakan *Big Five Inventory - 10 (BFI - 10)* versi bahasa Melayu yang telah diterjemahkan oleh Muhammad Idris (2021).

1.8.8 Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM)

Menurut Norafifah Bali (2020), tidak terdapat definisi khusus berkenaan dengan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM). Namun, penjelasan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 18 Mac 1996 bertajuk Pelantikan Kaunselor Sepenuh Masa (Kaunselor Pelajar) dapat memberi penjelasan berkenaan GBKSM. Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) merujuk kepada individu yang mempunyai kelulusan ikhtisas Bimbingan dan Kaunseling.

Berdasarkan Buku Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (2014), Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) bertanggungjawab terhadap empat (4) fokus utama dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling iaitu, Fokus yang Pertama Pembangunan dan Perkembangan Sahsiah Diri Murid, Fokus yang Kedua Pendidikan Kerjaya Murid, Fokus yang Ketiga Peningkatan Disiplin Diri Murid dan Fokus yang Keempat adalah Psikososial dan Kesejahteraan Mental.

Dalam konteks kajian ini, Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) merujuk kepada Guru Kaunseling yang berkhidmat di Unit Bimbingan dan



Kaunseling Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di daerah Hilir Perak, Perak. Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) ini merupakan guru yang telah dilantik secara sah berlatar belakang kelulusan ikhtisas Bimbingan dan Kaunseling.

1.9 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa limitasi yang telah dihadapi. Kajian yang dijalankan hanya memberi tumpuan kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM), di Daerah Hilir Perak, Perak sahaja. Oleh itu, dapatan kajian yang diperoleh tidak boleh digeneralisasikan terhadap seluruh GBKSM di Malaysia.



Selain itu, skop kajian ini hanya memfokuskan kepada hubungan antara Personaliti dan Kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM). Keterbatasan kajian yang dijalankan hanya melibatkan aspek di mana pemboleh ubah personaliti menumpukan hanya kepada tret personaliti keterbukaan, kehematan, ekstrasversi, kesetujuan dan neurotisme sahaja.

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan dan soal selidik *Big Five Inventory - 10 (BFI - 10)* dan *Job Satisfaction Survey (JSS)* dalam proses pengumpulan data. Ketepatan kajian adalah bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan GBKSM untuk menjawab item - item soal selidik tersebut.





1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dilaksanakan untuk menarik perhatian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), agar menilai semula bidang tugas Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) dan membuat tapisan melalui ujian personaliti sebelum melalui proses temu duga mahupun penempatan bekerja dilaksanakan. Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang ditawarkan di sekolah lebih berkualiti sekiranya nisbah murid dengan GBKSM adalah bersesuaian dan lebih berfokus. Oleh itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dicadangkan untuk mempertimbangkan semula nisbah GBKSM dengan jumlah keseluruhan murid di sesebuah sekolah. Hasilnya, tekanan kerja pada tahap yang tinggi boleh dikurangkan.



Dalam pada itu, kajian ini juga sedikit sebanyak dapat memberi pencerahan berkaitan dengan bidang tugas GBKSM di sekolah yang perlu dinilai semula oleh pihak pentadbiran sekolah. Kajian seperti ini, akan menyumbang kepada rujukan seorang pemimpin organisasi bagi memastikan rakan seperjuangan sentiasa berada dalam keadaan sejahtera intelek, emosi, fizikal dan rohani bagi mencapai satu objektif, visi dan misi yang sama.

Menerusi kajian yang dijalankan, penerokaan personaliti GBKSM telah memberi kesan kepada prestasi kerja dalam organisasi berdasarkan faktor luaran dan dalaman kepuasan kerja. Hal ini dikatakan demikian kerana, didapati beberapa isu dari segi ciri personaliti yang menyumbang kepada tahap kepuasan dan kualiti kerja GBKSM tersebut semakin merosot.





Di samping itu, dijangka juga hasil kajian dapat memberi input yang berguna kepada pengkaji masa hadapan agar boleh mempergiatkan lagi kajian berkaitan dengan personaliti dengan kepuasan kerja terhadap guru ataupun pekerja di sektor awam mahupun swasta. Hasil penemuan daripada kajian ini sudah pastinya akan menjadi bahan pengetahuan yang baharu atau sumber rujukan kepada pengkaji akan datang yang berminat dalam kajian dalam bidang Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.

1.11 Rumusan

Perbincangan dalam bab ini menjelaskan mengenai pengenalan terhadap personaliti dan kepuasan kerja Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM), pernyataan masalah berkaitan tajuk, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teoritikal kajian dan kerangka konseptual kajian, definisi istilah, batasan kajian serta kepentingan untuk mengkaji hubungan personaliti dengan kepuasan kerja terhadap GBKSM. Kandungan bab ini merupakan satu titik tolak dan garis panduan untuk menjalankan kajian secara sistematik agar memperoleh dapatan yang signifikan dan seperti yang dijangkakan.

